

---

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Lembaga Pengarah membuat Skim dengan peraturan-peraturan yang berikut :

### **Nama dan Permulaan Kuat kuasa**

1. (1) Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Tenaga Akademik Baru (STAB) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

(2) Skim ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2014.

### **Tafsiran**

2. Dalam Skim ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“BMI” ertinya *Body Mass Index* atau *Quetelet Index*, ialah pengiraan berat badan berasaskan kepada berat dan ketinggian seseorang. Walaupun BMI tidak mengukur peratus lemak badan, namun ia digunakan untuk menganggarkan berat badan yang sihat. Formula BMI = (berat badan, kg) ÷ (ketinggian, cm);

“Calon” ertinya pelajar tajaan yang bukan berstatus staf Universiti dan dipersetujui untuk dihantar bercuti belajar dengan biasiswa tajaan Universiti dan/atau Kementerian di bawah STAB;

“CGPA” ertinya *Cumulative Grade Point Average*;

“IELTS” ertinya *International English Language Test System*;

“Jawatankuasa Pemilih” ertinya *Jawatankuasa Pemilih Jawatan Guru* yang dipertanggungjawabkan dalam urusan pelantikan dan pengambilan jawatan akademik di Universiti;

“Keluarga Calon” ertinya bagi calon lelaki, ialah isteri dan anak-anaknya dan bagi calon perempuan ialah suami dan anak-anaknya. Di mana ada disebutkan tentang kemudahan yang boleh diberi bagi keluarga seseorang calon, maka anak yang berkecukupan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh calon serta belum mencapai umur 13 tahun. Anak termasuklah anak kandung calon, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang;

“Kementerian” ertinya Kementerian Pendidikan Malaysia;

“MUET” ertinya Malaysia University English Test;

“SLAB” ertinya Skim Latihan Akademik Bumiputera;

“SLAI” ertinya Skim Latihan Akademik IPTA;

“SPM” ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;

“TOEFL” ertinya Test of English as a Foreign Language;

“Universiti” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

### **Tujuan STAB**

3. Mengenal pasti bakal-bakal tenaga akademik yang berkelayakan untuk ditawarkan biasiswa SLAB/SLAI. Calon yang berjaya mendapat tajaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan pensyarah, sekembalinya mereka daripada pengajian lanjutan (dengan jayanya) di peringkat PhD.

### **Syarat Lantikan**

4. (1) Tertakluk kepada Skim ini, permohonan lantikan STAB akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih.

(2) Syarat bagi membolehkan seseorang calon layak dipertimbangkan lantikan di bawah STAB adalah seperti berikut:

(a) Syarat Akademik –

- Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan Kelas Pertama atau CGPA 3.70 dan ke atas; ATAU

Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tertinggi atau CGPA 3.0 ke atas, DAN Ijazah Sarjana yang cemerlang dalam bidang berkaitan;

- Memiliki kelayakan sekurang-kurangnya mencapai Aras 3 dalam MUET;

- *Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan Matematik di peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.*
  - *Bagi calon untuk Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan, keutamaan adalah diberi kepada calon yang mendapat Kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan, Fizik dan mata pelajaran sains lain di peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.*
- (b) *Syarat IELTS/TOEFL (perlu dipenuhi sebelum memulakan pengajian) –*
- *Menduduki peperiksaan IELTS dengan skor minimum 6.0 bagi mengikuti pengajian dalam negeri; atau skor minimum 6.5 bagi mengikuti pengajian di luar negara; ATAU*
  - *Menduduki peperiksaan TOEFL dengan skor minimum 500 (paper based) atau 61 (internet based) bagi mengikuti pengajian dalam negeri; atau skor minimum 600 (paper based) atau 92 (internet based) bagi mengikuti pengajian di luar negara.*
- (c) *Syarat kecergasan –*
- *Mempunyai ukuran BMI di antara julat 17 hingga 26; dan*
  - *Melepassi Ujian Kecergasan yang dilaksanakan oleh pihak Universiti.*
- (d) *Pemeriksaan Kesihatan –*
- *Diperakui cukup sihat berdasarkan keputusan pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar.*
- (e) *Had Umur –*
- *Berumur tidak kurang 21 tahun dan tidak melebihi 40 tahun bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah.*

(f) *Ujian Psikometrik –*

- *Melepassi kriteria ujian psikometrik yang ditetapkan oleh universiti.*

### **Tempoh Tawaran**

5. (1) *Mulai tarikh lantikan, calon adalah diberi tempoh maksimum selama sembilan (9) bulan untuk membuat persediaan dan menyempurnakan keperluan untuk memulakan pengajian.*

(2) *Sekiranya calon sedang berkhidmat dengan mana-mana organisasi, maka perkhidmatan tersebut perlu dilepaskan/ditamatkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum memulakan pengajian.*

(3) *Sebelum memulakan pengajian, calon dikehendaki memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti seperti berikut:*

- (a) *menghadiri dengan jayanya Kursus-kursus wajib yang berkaitan; dan*
- (b) *mengemukakan permohonan/cadangan penyelidikan yang lengkap berserta perancangan pengajian (study plan)*

### **Ikatan Perjanjian**

6. (1) *Calon adalah terikat untuk berkhidmat dengan Universiti setelah berjaya dalam pengajiannya. Tempoh ikatan akan dikira berkuat kuasa mulai tarikh calon melapor diri setelah calon dilantik sebagai staf Universiti.*

(2) *Calon hendaklah menandatangani suatu perjanjian yang dinamakan “Perjanjian Cuti Belajar” dan akan terikat untuk berkhidmat dengan Universiti setelah menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah ganti rugi yang dikenakan sekiranya calon tidak mematuhi tempoh ikatan yang ditetapkan adalah seperti yang akan dinyatakan dalam dokumen perjanjian Cuti Belajar.*

(3) *Sekiranya calon tidak menandatangani atau menyempurnakan perjanjian Cuti Belajar selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum calon mendaftar pengajian, maka kelulusan Cuti Belajar boleh dibatalkan.*

(4) *Sekiranya calon mempunyai ikatan biasiswa/tajaan dengan mana-mana pihak yang telah membiayai pengajian sebelum ini, maka calon adalah disyaratkan perlu mendapatkan pelepasan dari ikatan tersebut sebelum mula Cuti Belajar.*

---

**Elaun**

7. (1) Calon akan dibayar Elaun Peribadi oleh Universiti pada kadar dan kelayakan yang ditetapkan sepanjang tempoh pengajian seperti berikut:

(a) Memiliki kelayakan tertinggi Sarjana Muda = RM 2,200.00 sebulan;  
atau

(b) Memiliki kelayakan tertinggi Sarjana = RM 2,600.00 sebulan.

(2) Pembayaran Elaun Peribadi akan mula dibayar kepada calon dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum memulakan pengajian.

(3) Elaun-elaun lain yang berkaitan pada kadar bujang akan dibayar oleh Kementerian (Basiswa SLAB/SLAI).

(4) Bagi calon yang membawa keluarga, elaun-elaun serta baki-beda elaun-elaun berkaitan keluarga akan dibayar oleh Universiti. Calon yang isteri/suami mereka bekerja dan akan menyertai calon semasa bercuti belajar dikehendaki menyertakan salinan surat pelepasan majikan isteri/suami. Bagi isteri/suami yang tidak bekerja, pengesahan hendaklah disokong oleh mana-mana Pegawai Universiti dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Dokumen-dokumen lengkap seperti sijil nikah, surat beranak, dan juga salinan passport serta visa (untuk pengajian luar negara sahaja) perlu disertakan.

(5) Calon perlu memaklumkan kepada pihak universiti sekiranya menerima Basiswa atau sebarang bentuk bantuan kewangan dari luar semasa pengajian. Universiti atau Kementerian hanya membayar kadar perbezaan sekiranya bantuan luar yang diterima kurang daripada kadar biasiswa SLAB/SLAI. Sekiranya calon tidak melaporkan kepada Universiti mengenai perkara ini, biasiswa dan cuti belajar akan ditamatkan.

(6) Pasangan suami-isteri yang sedang atau akan mengikuti pengajian kursus yang sama di Universiti yang sama dan tinggal bersama atau mengikuti kursus di Universiti yang berlainan tetapi tinggal bersama dan ditaja oleh kerajaan, maka salah seorang darinya akan mengguna pakai syarat dan peraturan yang dinyatakan di bawah Program Spouse dan tertakluk pada peraturan semasa yang berkuat kuasa terhadap Program Spouse tersebut.

(7) Tertakluk pada pindaan kadar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa, kadar Elaun-elaun/bantuan lain perlu dirujuk kepada pihak Universiti.

---

**Tempoh Pengajian dan Pelanjutan**

8. (1) *Setiap calon yang dilantik akan ditawarkan Tempoh Pengajian Asal berdasarkan syor oleh Universiti dan diluluskan oleh Kementerian dan sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian.*

(2) *Universiti melalui Jawatankuasa Cuti Belajar boleh mempertimbangkan pelanjutan tempoh pengajian sama ada dengan elaun atau tanpa elaun, setelah tamat Tempoh Pengajian Asal yang diluluskan.*

(3) *Calon boleh mengemukakan suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh pengajiannya berdasarkan dasar/peraturan semasa yang berkuat kuasa di Universiti.*

(4) *Sekiranya Jawatankuasa Cuti Belajar bersetuju untuk memperakukan permohonan calon, tempoh serta kadar elaun yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:*

(a) *Pelanjutan Pertama –*

- *Dipertimbangkan sehingga tempoh enam (6) bulan.*
- *Layak dibayar Elaun Peribadi dan boleh dipertimbangkan Biasiswa secara penuh seperti kelayakan dalam Tempoh Pengajian Asal, tertakluk kepada prestasi pengajian.*

(b) *Pelanjutan Kedua –*

- *Dipertimbangkan sehingga tempoh enam (6) bulan.*
- *Layak dibayar Elaun Peribadi secara penuh dan boleh dipertimbangkan separa Biasiswa (hanya yuran pengajian dibayar), tertakluk kepada prestasi pengajian.*

(c) *Pelanjutan Khas –*

- *Tempoh yang layak dipertimbangkan adalah tertakluk pada baki keseluruhan tempoh pengajian (termasuk tempoh asal, pelanjutan pertama dan pelanjutan kedua) tidak melebihi lima (5) tahun.*
- *Tidak layak dibayar Elaun Peribadi dan Biasiswa*

---

**Lantikan Sebagai Staf Universiti**

9. (1) Calon dikehendaki memaklumkan dan melapor diri dengan kadar segera setelah memperoleh ijazah dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

(2) Calon akan terus dilantik sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 secara kontrak/semntara mulai tarikh melapor diri yang ditetapkan oleh Universiti (melalui Pendaftar), tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang ditetapkan.

(3) Calon dikehendaki memenuhi kriteria atau syarat tertentu yang ditetapkan untuk dilantik sebagai Pensyarah Universiti, tempoh maksimum yang diberi adalah selama setahun untuk berusaha melayakkan diri. Sekiranya selepas tempoh tersebut dan calon masih gagal memenuhi kriteria atau syarat berkenaan, calon akan dianggap melanggar perjanjian dan tuntutan ganti rugi akan dikenakan.

(4) Pelantikan ke jawatan Pensyarah Universiti secara Tetap bukanlah secara automatik, ianya adalah tertakluk sepenuhnya kepada kriteria Universiti berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan syarat pelantikan yang berkuat kuasa.

(5) Dalam hal keadaan khas, Universiti adalah tidak terikat untuk terus melantik mana-mana calon sebagai staf universiti walaupun telah memperoleh ijazah dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hal berkenaan, calon tersebut akan dipertimbangkan untuk dilepaskan daripada ikatan perjanjian.

(6) Kelulusan khas dalam subperaturan (5) adalah dipertimbang dan diluluskan oleh Universiti melalui Jawatankuasa Eksekutif.

**Penamatan Calon Oleh Universiti**

10. (1) Dalam Tempoh Pengajian (asal dan pelanjutan), Universiti boleh menamatkan Perjanjian Cuti Belajar serta menghentikan Biasiswa jika calon didapati menyalahi mana-mana peraturan berikut:

(a) Kerja Luar –

- Calon tidak dibenarkan memegang jawatan bergaji secara sepenuh masa semasa mengikuti pengajian, kecuali jika disyaratkan berbuat demikian untuk mendapatkan kepakaran dalam pengajian.
- Permohonan untuk memegang jawatan bergaji secara sambilan adalah tertakluk kepada kelulusan Universiti.

(b) *Kelakuan –*

- *Calon dikehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan/peraturan yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian (tempat pengajian) , Universiti dan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.*
- *Sekiranya calon hendak membuat perjalanan ke lain-lain negara selain dari negara tempat pengajian, calon perlu memohon dan mendapat kelulusan dari Universiti terlebih dahulu.*
- *Calon tidak boleh didapati atau disabitkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa kesalahan yang akan mencemarkan nama baik Kerajaan Malaysia, Universiti atau Institusi Pengajiannya.*

(c) *Kegiatan Politik dan Pertubuhan –*

- *Calon tidak dibenarkan mengambil bahagian atau memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa kegiatan parti politik dan dalam apa-apa pertubuhan, badan berkanun atau kumpulan orang yang bercorak politik atau tidak selaras dengan kepentingan negara.*

(d) *Melanggar mana-mana syarat, terma dan peraturan seperti yang terkandung di dalam perjanjian cuti belajar dan dokumen-dokumen lain yang dibaca bersama-sama perjanjian tersebut.*

(2) *Pelantikan calon atau penajaan calon atau Perjanjian Cuti Belajar calon (mengikut mana-mana yang berkenaan) boleh ditamatkan oleh Universiti melalui suatu notis bertulis dalam keadaan berikut:*

- (a) *menyalahi mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam subperaturan (1);*
- (b) *gagal/masih tidak memulakan pengajian dalam tempoh ditetapkan;*
- (c) *menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatan dalam borang pemeriksaan kesihatan;*
- (d) *membuat akuan palsu dalam Akuan Berkanun;*



- (e) *meminda atau memalsukan apa-apa dokumen berhubung pelantikan;*
- (f) *mengabaikan tanggungjawabnya yang mengakibatkan laporan mengenai kemajuan kursus adalah tidak memuaskan;*
- (g) *gagal dalam mana-mana peperiksaan atau gagal dalam pengajian;*
- (h) *gagal memperoleh Ijazah dalam tempoh pengajian yang ditetapkan;*
- (i) *menolak tawaran jawatan sebagai staf universiti setelah memperoleh Ijazah; dan*
- (j) *sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh pihak universiti.*

(3) *Sekiranya perkhidmatan calon ditamatkan di bawah subperaturan (2), Universiti akan menuntut apa-apa kos yang telah dibayar oleh Universiti kepada calon termasuklah elaun-elaun, biasiswa dan lain-lain kos yang telah dibayar kepada calon sebagai ganti rugi penamatan pelantikan.*

#### **Notis Penamatan**

11. *Bagi maksud peraturan 10, tempoh notis bertulis yang dinyatakan ialah tiga puluh (30) hari.*

#### **Notis Peletakan Jawatan**

12. (1) *Seseorang calon yang berhasrat untuk meletak jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelum peletakan jawatan berkuat kuasa atau membayar kepada Universiti sebulan Elaun Peribadi sebagai ganti notis.*

(2) *Peletakan jawatan hendaklah berkuat kuasa pada hari yang berikutnya selepas hari yang tempoh notis diberikan oleh calon itu tamat.*

(3) *Calon adalah disyaratkan membayar semula apa-apa kos sebenar yang telah dibayar oleh Universiti sebagai ganti rugi pembatalan tawaran.*

(4) *Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.*

**Tempoh Peralihan**

13. (1) *Tutor sedia ada yang telah melanjutkan pengajian sebelum kuat kuasanya skim ini, akan dikekalkan status sebagai Tutor dan tertakluk kepada peraturan serta kelayakan sedia ada yang terpakai.*

(2) *Bagi Tutor yang bakal/telah melapor diri dengan status pengajian belum selesai pada 1hb Januari 2015, akan hanya layak dipertimbangkan Pelanjutan Khas (tanpa gaji) mengikut kaedah/peraturan yang diperuntukkan di bawah skim ini.*

(3) *Tutor sedia ada yang bakal/akan melanjutkan pengajian selepas kuat kuasanya skim ini, akan tertakluk sepenuhnya mengikut peraturan/kaedah yang ditetapkan dalam skim ini.*

**Syarat Umum STAB**

14. (1) *Setiap permohonan STAB hendaklah diperakukan dan disokong oleh Ketua Pusat Tanggungjawab berkenaan sebelum dipertimbangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih Universiti.*

(2) *Peraturan berkaitan insurans kesihatan bagi pengajian di luar negara adalah seperti berikut:*

- (a) *Bagi negara yang ada Skim Insurans Kesihatan Tempatan, pegawai hendaklah mencarum di bawah skim tersebut meliputi diri dan keluarga termasuk rawatan bersalin. Kecuali bagi calon yang dimestikan mencarum kepada skim insurans yang ditetapkan oleh institusi pengajian itu sendiri.*
- (b) *Sekiranya calon dimestikan mengambil insurans yang ditetapkan oleh institusi pengajian, calon hendaklah menguruskan insurans untuk keluarga mereka dengan syarikat insurans yang sama.*
- (c) *Calon boleh mengemukakan tuntutan kepada penaja untuk kos calon, dan bagi kos keluarga dikemukakan kepada Universiti berkaitan bayaran yang terlibat untuk pembelian premium insurans. Bagaimanapun, jumlah tuntutan yang boleh dibayar oleh Universiti adalah terhad kepada kos pembiayaan yang akan ditanggung adalah premium insurans tersebut dan perbezaan tuntutan rawatan yang tidak dibayar sepenuhnya oleh pihak insurans kesihatan.*

- (d) *Bagi negara yang tiada skim insuran kesihatan tempatan, Universiti hanya akan mempertimbangkan kos pembiayaan rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, dalam kes kecemasan rawatan di klinik swasta boleh dipertimbangkan.*

(3) *Peraturan berkaitan pemeriksaan kesihatan bagi pengajian di luar negara adalah seperti berikut:*

- (a) *Calon adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan/perubatan daripada Pegawai Perubatan Klinik Panel atau kerajaan. Pemeriksaan perubatan ini hendaklah termasuk X-Ray dada. Jika calon membawa keluarga, mereka juga hendaklah menjalani pemeriksaan yang sama.*
- (b) *Sekiranya calon didapati menghidap penyakit semula jadi atau penyakit yang boleh merebak, kelulusan cuti belajar akan dibatalkan. Begitu juga sekiranya keluarga calon disahkan menghidap penyakit di atas, maka keluarga calon tidak dibenarkan bersama mengikuti calon.*
- (c) *Sekiranya laporan pemeriksaan kesihatan tersebut menunjukkan bahawa calon tidak berkeupayaan (unfit) untuk mengikuti pengajian maka kelulusan pelantikan calon ini akan ditarik balik.*
- (d) *Sekiranya calon didapati sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan pengajian calon terjejas atau tidak dapat diteruskan, maka calon hendaklah memohon penangguhan dari institusi pengajian dan memohon untuk kembali ke Malaysia. Universiti boleh menarik balik kelulusan Cuti Belajar serta menamatkan Biasiswa dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan perkara ini.*

(4) *Segala perbelanjaan yang terlibat dengan urusan untuk mendapatkan tempat di institusi pengajian yang dipohon adalah tanggungjawab calon sendiri. Ini termasuklah bayaran wang pos, bil telefon, bayaran untuk perkhidmatan telefaks, bayaran untuk perkhidmatan telegram, teleks dan lain-lain.*

(5) *Bagi pengajian luar negara, Biasiswa yang diberikan oleh pihak penaja adalah merangkumi segala bentuk kos perjalanan pergi dan balik ke tempat pengajian, kecuali tiket penerbangan, pasport dan visa yang boleh dituntut semula kepada pihak penaja.*

(6) *Jika calon dikehendaki oleh institusi pengajiannya mengemukakan satu Tesis/Disertasi yang berkaitan dengan pengajiannya, maka calon hendaklah mengemukakan dan menyerahkan satu salinan tesis/disertasi tersebut kepada Universiti sebaik sahaja ianya disempurnakan.*

(7) *Tesis/Disertasi yang telah dikemukakan dan diserahkan kepada Universiti ini adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti, ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan oleh pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut atau orang perseorangan.*

#### **Hak Universiti**

15. *Walau apa pun yang dinyatakan dalam surat pelantikan calon dan tawaran Cuti Belajar, Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan calon adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan tersebut. Universiti juga berhak menarik balik pelantikan atau menamatkan biasiswa ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan/akibat dari perkara ini.*